

20,000 kunjungi Pesta Konvo USIM Ke-10

SEREMBAN 25 Nov. - Penganjuran Pesta Konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Ke-10 menerusi kerjasama pihak universiti itu dengan Kumpulan Utusan berjaya mencapai sasaran 20,000 pengunjung sepanjang tiga hari berlangsung, bermula Jumaat lalu.

Pengurus Pemasaran Wilayah Tengah Utusan Melayu (M) Berhad, Rosman Zulkifli berkata, jumlah kehadiran pengunjung kali ini jauh lebih baik berbanding tahun-tahun sebelumnya memandangkan pelbagai faktor, selain penambahan tapak jualan dan pameran sepanjang tiga hari tersebut.

“Kehadiran pengunjung bertambah kerana perubahan lokasi majlis konvokesyen iaitu di Stadium Tertutup Nilai yang berdekatan dengan USIM, selain keadaan cuaca mengizinkan.

“Sambutan yang diterima amat menggalakkan dan ini membuktikan kerjasama dengan pihak USIM dan Kumpulan Utusan amat berjaya sekali. Diharapkan usaha sama ini dapat diteruskan pada

masa depan,” katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Selain itu katanya, penambahan itu turut disumbangkan menerusi Konsert *Pancaindera* yang diadakan semalam, menampilkan beberapa artis termasuklah Ana Rafali, Ainan Tasnim, Yassin Sulaiman dan kumpulan nasyid Hijjaz serta Nabil Ahmad bertindak sebagai pengacara.

Dalam pada itu kata Rosman, pelbagai acara turut dijalankan pada hari ini, antaranya pertandingan memancing dan karaoke.



PENGACARA jemputan, Nabil Raja Lawak bersama rakan artis, Ana Rafali memeriahkan suasana mini konsert *Pancaindera* anjuran *Utusan Malaysia* pada pesta konvo Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Seremban, semalam.